

Setanding Hong Kong, Shenzhen menerusi pembangunan SJER – PM

WLO 1/2/07

Johor jadi metropolitan

UM-31/7/2006

Oleh LUKMAN ISMAIL dan KAMIL MASLIH

JOHOR BAHRU 30 Julai – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Pembangunan Wilayah Selatan Johor (SJER) akan meletakkan negeri ini di peta dunia sebagai wilayah metropolitan, setanding Hong Kong dan Shenzhen di China.

Menurut Perdana Menteri, kawasan yang akan dimajukan oleh syarikat pelaburan negara, Khazanah Nasional itu dijangka menikmati pembangunan dan pemodenan yang pesat dan membantu memacu ekonomi negara pada masa depan.

Malahan jelas Abdullah, pembangunan SJER juga akan berlainan sama sekali berbanding pembangunan wilayah utara yang meliputi Perlis, Kedah, Prai dan Utara Perak; Pantai Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang Timur) mahupun Sabah dan Sarawak.

“Kawasan ini akan mengambil kira pembangunan-pembangunan yang sudah pun ada di selatan Johor ini supaya kawasan Nusajaya, Danga Bay turut diambil kira.

“Selatan Semenanjung adalah satu kawasan yang cukup strategik. Cuma bagi membangunkan kawasan ini dengan prasarana dan perbandaran (ia perlu mengambil kira) kekuatan dan tarikan yang ada di kawasan ini.

● Sultan Johor beri restu – Muka 2

“Supaya kawasan yang akan dibangunkan nanti akan menjadi satu kawasan yang benar-benar menarik perhatian dan benar-benar membawa kepada pelaburan yang boleh menandingi mana-mana kawasan yang ada dalam negara kita ini,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap di hadapan kira-kira 5,000 rakyat Johor sejurus selepas mendarat di Lapangan Terbang Sultan Ismail, Senai dekat sini dalam rangka lawatan seharinya ke Johor.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman serta menteri-menteri Kabinet dari Johor, anggota Exco kerajaan negeri dan barisan kepimpinan Barisan Nasional negeri Johor turut menyambut ketibaan Perdana Menteri di lapangan terbang.

Abdullah berkata, pembangunan yang akan dibawa ke selatan Johor itu akan melibatkan kawasan yang besar atau tiga kali ganda berbanding Singapura.

“Kawasan ini memberi tanah yang begitu luas... kawasan ini ada kelebihan... kawasan ini mempunyai harga tanah yang juga tidak begitu tinggi berbanding tempat yang lain.

“Kawasan ini juga (akan) didiami penduduk yang juga ramai dan tahu bahawa negeri Johor memang ramai dan inginkan kemajuan dan kemajuan itu perlu dibawa ke sini.

“Kemajuan yang mengambil kira penduduknya daripada semua kaum dan semua lapisan. Pembangunan yang akan dijalankan ini berlainan berbanding yang akan dilaksanakan di utara, di Pantai Timur ataupun di Sabah dan Sarawak,” tegas Perdana Menteri.

Berdasarkan pelan perancangan, SJER yang akan dimajukan itu merangkumi mukim

Johor jadi metropolitan

UM-31072006

Serkat di barat, Kulai di utara dan Johor Bahru di selatan membabitkan kawasan seluas 1,970 kilometer persegi.

Abdullah berkata, kerajaan amat berharap agar rancangan pembangunan SJER itu akan disambut baik oleh rakyat Johor dan kunjungan beliau kali ini adalah untuk mempersembahkan rancangan kerajaan terhadap kawasan selatan Johor itu kepada Sultan Johor.

Jelas beliau, pembangunan selatan Johor ini bukan sahaja memberikan limpahan kepada rakyat Johor malahan juga ke-

pada keseluruhan rakyat di negara ini.

“Semasa saya merangka Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi Misi Nasional, ini (SJER) antara cadangan yang telah saya kemukakan.

“Ini cadangan saya, bukan orang lain yang beri idea ini. Idea ini idea saya iaitu untuk memperkasakan pembangunan... pembangunan yang boleh menjadi pemacu pembangunan negara kita ini supaya nanti dapat kita mencapai matlamat Wawasan 2020,” tegas Abdullah.